

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HKN 403 Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara I:
Aspek-Aspek Teori dan Kritis

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN(8) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan. TIGA(3) soalan daripada Bahagian A dan SATU(1) soalan daripada Bahagian B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab TIGA(3) soalan

1. Seseorang pengkaji sastera Melayu tradisional bukan sahaja perlu memahami tentang sastera, tetapi juga tentang agama, kosmologi, falsafah, idea sejarah, dan ilmu bahasa. Pendek kata sastera merangkumi bidang penghidupan dan pemikiran yang luas. Adakah para pengkaji sastera Melayu tradisional berjaya memenuhi kemantapan ilmu di dalam bidang ini? Dapatlah gabungan pendapat di antara mereka memperjelaskan kesemua persoalan ini di dalam pengkajian sastera tersebut?
2. Sastera rakyat dan sastera sejarah Melayu sering mendapat penganalisaan yang menyeleweng daripada pengkaji Barat. Sastera kitab dan hikayat sering ditinggalkan dan tidak dimasukkan ke dalam rangka pengkajian para sejarah Barat itu. Apakah alasan anda terhadap mengapa hal ini terjadi? Apakah kaedah serta ilmu bantu yang diperlukan oleh pengkaji bagi meletakkan semula genre sastera berkenaan ke tempatnya yang lebih wajar?
3. Mengapa ciri dan unsur di dalam sastera Melayu itu tidak dapat lari daripada pandangan hidup manusia tradisional? Sejauh manakah pandangan hidup masyarakat Melayu itu berjaya menggarap ciri-ciri universal atau sejagat dan mengapakah ia dianggap universal? Sejauh manakah kejayaan pandangan hidup tradisional itu di dalam pernyataan sastera moden?

4. A.K. Coomaraswamy membezakan sastera yang bersifat marga dengan sastera yang bersifat desi. Dengan melihat ciri-ciri perbezaan tersebut huraiakan mengapa kesusasteraan Melayu moden itu boleh dianggap sebagai sastera desi dan sastera Melayu tradisional boleh dianggap bersifat marga.
5. Analisakan teori V. Propp mengenai function dan teori A. Bausani mengenai plurality of levels. Dengan mengaitkan kedua-dua konsep tersebut dan juga dalam sastera Melayu, tunjukkan kepentingan perbezaan di antara kaedah dengan makna, dan juga kesan masing-masing ke atas pembaca.
6. Nilaikan pandangan berikut yang diberikan oleh R.O. Winstedt di dalam A History of Classical Malay Literature terhadap sastera Melayu klasik.
 - (a) "The germ of every Malay romance is a folktale or a cluster of folktales, nearly always Indian and manipulated by men wildly ignorant and intolerant of the unities of place and time and historical truth."

dan

 - (b) "The Malays have been progressing on much the same literary road as ourselves but have not got as far as we have."

BAHAGIAN B - Jawab SATU(1) soalan

7. Orang-orang Melayu tradisional percaya tentang wujudnya roh (ruh) dan jiwa (nafs) dalam diri manusia.

Pada pendapat anda, apakah implikasi kepercayaan terhadap dimensi kerohanian seperti ini kepada proses kreatif seseorang pengarang Melayu tradisional? Juga, apakah jenis atau corak orientasi watak-watak tipikal yang semestinya dihidupkan dalam karya pengarang yang berpegang kuat kepada Islam seperti ini? Berikan jawapan anda dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian.

8. Jelaskan setakat manakah aliran-aliran falsafah Barat moden seperti fenomenologi dan eksistensialisme berjaya menembusi alam pemikiran Melayu-Islam sehingga dapat menjadi asas penulisan karya-karya sastera Melayu masa kini. Penjelasan anda hendaklah bersandarkan kepada sekurang-kurangnya karya-karya kreatif seorang pengarang Melayu terkenal yang anda tahu dengan pasti.